



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

11 DISEMBER 2025 (KHAMIS)

Belanjawan 2026: Perlis Peruntuk RM359.58 Juta, Meningkat RM57.20 Juta			
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
BERNAMA	Am	Dalam Talian	9 Dis



Menteri Besar Perlis Mohd Shukri Ramli bergambar selepas membentangkan Belanjawan 2026 pada Persidangan Dewan Undangan Negeri Perlis (Mesyuarat Ketiga, Penggal Persidangan Ketiga Dewan Undangan Negeri Perlis ke-15) di Kompleks Seri Putra hari ini. -- fotoBERNAMA (2025) HAK CIPTA TERPELIHARA

KANGAR, 9 Dis (Bernama) -- Belanjawan 2026 Perlis dengan tema “Perlisu Bestari Rakyat Sejahtera” melibatkan peruntukan sebanyak RM359.58 juta, meningkat RM57.20 juta berbanding tahun sebelumnya.

Menteri Besar Mohd Shukri Ramli berkata jumlah itu menjadikan Belanjawan 2026 yang tertinggi dibentangkan pada persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN).

Beliau berkata sebanyak RM244.42 juta atau 68 peratus disediakan di bawah perbelanjaan mengurus manakala RM115.16 juta atau 32 peratus untuk perbelanjaan pembangunan.

“Secara keseluruhan, perbelanjaan mengurus 2026 meningkat RM48.31 juta berbanding 2025. Daripada jumlah itu, RM76.79 juta disediakan untuk bayaran emolumen dan RM102.14 juta bagi perbelanjaan

Perkhidmatan dan Bekalan (RM102.14 juta), “RM51.10 juta di bawah Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap, RM12.57 juta untuk tujuan Aset dan Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain RM1.82 juta,” katanya semasa membentangkan Belanjawan 2026 Perlis pada persidangan DUN Perlis di Kompleks Seri Putra di sini hari ini.

Mohd Shukri berkata bagi peruntukan pembangunan, sebanyak RM30.10 juta atau 27 peratus dibiayai melalui pinjaman Kerajaan Persekutuan bagi tujuan projek peningkatan prasarana untuk kemudahan rakyat.

“Peruntukan pembangunan bagi 2026 akan diagihkan kepada enam agensi pelaksana utama, iaitu Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri sebanyak RM58.02 juta merangkumi Syarikat Air Perlis, Majlis Perbandaran Kangar dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis.

“Seterusnya Jabatan Kerja Raya sebanyak RM21.67 juta, Jabatan Pengairan dan Saliran (RM12.75 juta), Jabatan Perhutanan (RM12.57 juta), Jabatan Pertanian (RM6.85 juta) dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (RM3.30 juta),” katanya.

Selain itu, Mohd Shukri

berkata kerajaan negeri menganggarkan kutipan berjumlah RM217.59 juta pada tahun hadapan meliputi komponen Hasil Cukai sebanyak RM44.13 juta, Hasil Bukan Cukai (RM50.92 juta) dan Terimaan Bukan Hasil (RM122.54 juta).

“Berdasarkan anggaran ini, kutipan hasil negeri dijangka meningkat RM94.66 juta atau 77 peratus berbanding 2025. Dengan anggaran ini, kerajaan negeri diunjurkan mengalami defisit sebanyak RM26.83 juta pada 2026,” katanya.

Mohd Shukri berkata walaupun anggaran Belanjawan 2026 masih mencatatkan defisit namun angka itu ialah yang terendah jika dibandingkan dengan belanjawan lima tahun lepas.

“Justeru pada 2026, semua agensi pengutip cukai hendaklah meningkatkan kecekapan memungut cukai dengan mengatur tugas dan merangka gerak kerja teratur bagi meningkatkan kutipan, mencegah ketirisan dan mengurangkan tunggakan,” katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata Belanjawan 2026 Perlis dirangka dengan memfokuskan kepada tiga tekad utama iaitu Pertumbuhan Ekonomi

Mampan, Pembangunan
Infrastruktur Lestari dan
Perlisku Bestari
Berkebajikan.

“Belanjawan 2026 dirancang dengan setiap inisiatif dapat memberi manfaat langsung dan memudahkan urusan rakyat serta untuk membangunkan Perlis supaya terus makmur, sejahtera dan diberkati,” katanya.-[BERNAMA](#)

Peruntukan RM19.6 Juta Bangunkan Industri Ternakan N.Sembilan Bagi Tempoh 2021-2025

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
BERNAMA	AM	Dalam Talian	10 Dis



Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pertang merangkap Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pertanian, Keterjaminan Makanan dan Kos Sara Hidup negeri Datuk Seri Jalaluddin Alias ketika sesi pertanyaan lisan pada Persidangan Ketiga Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri (DUN) Negeri Sembilan ke-15 hari ini. - fotoBERNAMA (2025) HAK CIPTA TERPELIHARA

SEREMBAN, 10 Dis (Bernama) -- Kerajaan Negeri Sembilan menyalurkan peruntukan RM19.6 juta bagi membangunkan industri ternakan di negeri ini bagi tempoh lima tahun hingga 2025, persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Negeri Sembilan diberitahu hari ini.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pertanian, Keterjaminan Makanan dan

Kos Sara Hidup negeri Datuk Seri Jalaluddin Alias berkata keseluruhannya RM29.3 juta diperuntukkan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) bagi tempoh 2021 hingga 2025.

“Antara inisiatif dijalankan ialah program pengembangan veterinar, regulatori, kesihatan veterinar, program peningkatan pengeluaran ternakan, pembangunan

industri asas tani, pengukuhan genetik ternakan serta pembangunan teknologi pengeluaran makanan ternakan dan padang ragut," katanya.

Beliau berkata demikian menjawab soalan Suhaimizan Bizar (BN-Gemencheh) yang ingin tahu Langkah membantu usahawan penternak baharu meningkatkan daya tahan dalam menghadapi cabaran tentang penjagaan haiwan, penyakit atau pemakanan serta modal asas.

Jalaluddin berkata beberapa langkah penambahbaikan turut dijalankan termasuk menstruktur dan mengklasifikasi kawasan padang ragut kepada keutamaan penternakan tertentu selain menggalakkan penternak mendapatkan sijil ladang bebas penyakit bagi menjamin tahap kesihatan ladang.

Menjawab soalan Kamarol Ridzuan Mohd Zain (PN-Paroi) mengenai keluasan tanah sawah padi di Negeri Sembilan, Jalaluddin berkata Kawasan lazim bertanam adalah seluas 1,150 hektar melibatkan kawasan utama, iaitu Jelebu, Jempol, Kuala Pilah dan Tampin meliputi 13 skim padi.

Sementara itu, beliau berkata

Kerajaan Negeri Sembilan memastikan Pusat Pengumpulan Padi, Melang, Kuala Pilah terus berperanan sebagai hab utama pengumpulan, penyimpanan dan pengedaran hasil padi di kawasan berkenaan.

"Bagi tempoh Januari hingga September tahun ini, jumlah keseluruhan hasil padi dikumpulkan di pusat itu sebanyak 614.37 tan," katanya menjawab soalan Datuk Bibi Sharliza Mohd Khalid (BN-Juasseh) mengenai jumlah hasil dikumpulkan dan perancangan jangka masa panjang bagi penjanaan ekonomi di pusat itu.

Beliau juga Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Desa, Perladangan dan Komoditi negeri berkata pihaknya memastikan Pembangunan generasi baharu di rancangan Felda dilaksanakan secara menyeluruh.

"Antara inisiatif dilaksanakan Felda, iaitu pelaksanaan program Smart Classroom Felda sejak 2021 hingga kini, Pusat Pemulihan Dalam Komuniti, Tabung Usahawan Belia dan latihan keusahawan serta memperkenalkan platform Fieldgig bagi membantu mereka mendapatkan peluang pekerjaan di sektor perladangan," katanya.-

[BERNAMA](#)

Najis Burung Bawa Musibah			
MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
My Metro	Mutakhir	Dalam Talian	10 Dis



AKTIVITI orang ramai memberi makan merpati menjadikan burung lebih yakin untuk berkumpul.

Di tengah kesibukan bandar, ada satu ancaman yang ramai anggap remeh, tetapi sebenarnya cukup dekat dengan kita setiap hari.

Daripada bumbung bangunan tinggi hingga kerusi taman, tempokan putih dan hitam yang ditinggalkan burung gagak serta merpati mungkin kelihatan seperti kotoran biasa.

Namun, di sebalik itu, tersembunyi pelbagai risiko biologi yang boleh

menjejaskan kesihatan manusia.

Ketua Jabatan Patologi dan Mikrobiologi Veterinar, Fakulti Perubatan Veterinar, Universiti Putra Malaysia (UPM) Dr Nur Indah Ahmad berkata, ancaman utama yang datang daripada najis burung bukan sekadar bau atau kekotoran, tetapi mikroorganisma yang tidak boleh dilihat dengan mata kasar.

"Mikroorganisma ini termasuk bakteria, kulat dan

virus. Sesetengahnya mampu mencetuskan penyakit zoonotik iaitu penyakit yang boleh menular antara haiwan kepada manusia.

"Selain itu, ada juga laporan mengenai keradangan sistem pernafasan yang digelar 'bird-related hypersensitivity pneumonitis' akibat pendedahan kepada najis burung," katanya.

"Mengapa pula gagak dan merpati begitu sinonim dengan isu kebersihan bandar? Jawapannya mudah, makanan.

"Kawasan bandar dengan penduduk padat, restoran yang sibuk, pasar yang penuh sisa makanan, tong sampah terbuka dan aktiviti manusia saban hari menjadi 'buffet percuma' kepada burung ini.

"Banyak premis makanan dan kawasan awam menyediakan sumber makanan yang tidak sengaja, sementara aktiviti orang ramai memberi makan merpati menjadikan burung ini lebih yakin untuk berkumpul," katanya yang juga Pensyarah Kanan Kesihatan Awam Veterinar.

Menurut Dr Nur Indah, struktur bangunan tinggi, pokok besar dan ruang terbuka pula menyediakan lokasi ideal untuk burung hinggap dan bersarang.

la lantas melengkapkan kitaran kehadiran burung dalam ekosistem bandar iaitu satu fenomena yang selari dengan konsep 'One Health' iaitu hubungan saling bergantung antara manusia, haiwan dan persekitaran.

Bagaimanapun, katanya, bukan semua burung membawa kuman ini kerana ia bergantung kepada pelbagai faktor termasuk kesihatan burung, persekitaran dan ciri-ciri mikrob itu sendiri.

"Penularan penyakit daripada najis burung berlaku melalui beberapa cara. Jangkitan seperti histoplasmosis dan kriptokokosis biasanya berpunca daripada penyedutan debu najis kering yang terangkat ke udara ketika proses pembersihan.

"Bagi mereka yang menyapu tanpa memakai pelitup muka dalam kawasan tertutup atau kurang pengudaraan, risiko dijangkiti adalah lebih tinggi.

"Salmonela pula disebarkan melalui sentuhan langsung dengan najis, misalnya ketika membersihkan kawasan tercemar tanpa sarung tangan atau tidak mencuci tangan selepas mengendalikannya.

"Bakteria itu boleh masuk dalam tubuh melalui laluan

oral tanpa sengaja, terutama jika amalan kebersihan diri diabaikan," katanya.

Dr Nur Indah berkata, persoalan yang sering menimbulkan kekeliruan ialah sama ada najis kering lebih berbahaya berbanding najis yang baru.

"Ia bergantung kepada jenis mikroorganisma itu, sesetengah kulat seperti histoplasma mampu membentuk spora yang tahan dalam keadaan kering.

"Najis kering juga lebih mudah menghasilkan debu yang membawa kuman ketika dibersihkan, sekali gus meningkatkan risiko jangkitan.

"Selain itu, sesetengah bakteria seperti Salmonella boleh membentuk biofilm pada permukaan najis dan lantai yang menjadikan bakteria lebih tahan lama dan sukar mati," katanya.

Dr Nur Indah menekankan pentingnya menjauhi kawasan yang jelas mempunyai banyak najis burung, menjaga kebersihan premis dan kawasan rumah serta memastikan amalan kebersihan diri seperti mencuci tangan selepas menyentuh permukaan tercemar.

"Ketika mengendalikan najis,

penggunaan pelitup muka, sarung tangan dan pelindung mata sangat digalakkan.

"Jika najis sudah kering dan berhabuk, elakkan menyapu secara kasar sebaliknya lembapkan terlebih dahulu supaya debu tidak berterbangan.

"Pengurusan isu ini bukan tugas satu pihak semata-mata, kerjasama pelbagai sektor diperlukan termasuk pihak berkuasa tempatan, Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) serta komuniti setempat," katanya.

Kata Dr Nur Indah, masyarakat juga perlu memainkan peranan penting dengan tidak membuang sisa makanan secara terbuka, melaporkan premis yang terjejas dan memastikan bangunan tidak mempunyai ruang yang mudah dimasuki burung untuk bersarang.

"Pada masa sama, pengendalian populasi burung tidak boleh dilakukan secara sembarangan, kebajikan haiwan juga perlu diambil kira.

"Kesedaran masyarakat boleh dipertingkatkan tanpa mencetuskan panik melalui pendekatan pendidikan,

kempen santai, perkongsian ilmu dan program komuniti selari dengan semangat One Health.

"Paling penting, masyarakat perlu sentiasa peka terhadap persekitaran. Jika mendapati ada bangkai burung dalam jumlah banyak, segera laporkan kepada pihak berkuasa," katanya.

Kata beliau, sekiranya seseorang berasa tidak sihat selepas terdedah kepada kawasan yang padat dengan burung atau najis burung, rawatan perubatan perlu diperoleh tanpa berlengah.

"Kanak-kanak, ibu mengandung dan individu berisiko tinggi pula sebaiknya dielakkan daripada dibawa ke kawasan sedemikian.

"Najis burung yang kita anggap kecil itu sebenarnya mampu membawa risiko besar jika dibiarkan. Dengan langkah pencegahan yang betul dan kerjasama semua pihak, bandar kita boleh kekal bersih, selamat dan sihat untuk semua," katanya.-

[MYMETRO](#)

Pemandu Lori Pindah 1.36 Tan Karkas Babi Haram Didenda RM4,500

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo! Online	Negara	Dalam Talian	10 Dis



Reneshdevan (kiri) dan Asokkumar masing-masing didenda RM4,500 atas dua kesalahan memindahkan karkas babi secara haram di Mahkamah Majistret Besut hari ini.

BESUT – Dua pemandu lori masing-masing didenda RM4,500 oleh Mahkamah Majistret di sini hari ini atas dua kesalahan memindahkan 13,660 kilogram (kg) karkas babi bernilai keseluruhan RM320,000 secara haram di Kampung Apal di sini pada empat bulan lalu.

Majistret Nurliyana Md. Zukri menjatuhkan hukuman demikian selepas kedua-dua tertuduh, S. Reneshdevan, 35, da M. Asokkumar, 47, membuat pengakuan bersalah selepas kedua-dua

pertuduhan dibacakan.

Berdasarkan pertuduhan pertama, Reneshdevan dan Asokkumar didakwa memindahkan 6,840 kg karkas babi tanpa kebenaran bertulis Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri Terengganu menggunakan sebuah lori.

Mereka turut didakwa memindahkan 6,820 kg karkas babi yang juga tanpa kebenaran Jabatan Perkhidmatan Veterinar menggunakan sebuah lori

lain.

Kedua-dua perbuatan itu didakwa dilakukan Reneshdevan dan Asokkumar di tepi jalan Kampung Apal, Jalan Kota Bharu – Kuala Terengganu di sini pada pukul 4.45 pagi, 9 Ogos lalu.

Mereka didakwa mengikut Perenggan 4 (1)(b) Perintah Menteri Besar bagi Kawasan Kawalan Penyakit Kuku Dan Mulut Dan Hawar Berdarah bagi Negeri Terengganu yang memperuntukkan hukuman denda RM15,000 jika sabit kesalahan. – [KOSMO! ONLINE](#)

Tiga Lelaki Didenda Pindah Lebih 13,000 Kg Karkas Babi

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Astro Awani	Berita Malaysia	Dalam Talian	10 Dis



Majistret Nurliyana Md Zuki menjatuhkan hukuman denda masing-masing RM1,500 atau tiga bulan penjara kepada S. Reneshdevan, an M. Asokkumar, selepas pertuduhan dibacakan secara serentak ke atas mereka. - Gambar hiasan

JERTIH: Tiga lelaki didenda di Mahkamah Majistret Besut di sini hari ini selepas mengaku bersalah terhadap dua pertuduhan memindahkan secara tidak sah lebih 13,000 kilogram (kg) karkas babi dengan nilai lebih kurang RM320,000, Ogos lepas.

Majistret Nurliyana Md Zuki menjatuhkan hukuman denda masing-masing RM1,500 atau tiga bulan penjara kepada S. Reneshdevan, 35, dan M. Asokkumar, 47, selepas

pertuduhan dibacakan secara serentak ke atas mereka.

Mahkamah turut mengenakan denda RM3,000 kepada P.Nesarajan, 24, atau tiga bulan penjara selepas pertuduhan dibacakan secara berasingan ke atasnya. Kesemua mereka membayar denda tersebut.

Berdasarkan pertuduhan pertama. Reneshdevan dan Asokkumar bersama-sama didapati memindahkan 6,840 kg karkas babi menggunakan

lori jenis Isuzu tanpa kebenaran bertulis yang sah daripada Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri Terengganu atau mana-mana pihak berkuasa veterinar.

Kesalahan itu dilakukan di tepi jalan di Kampung Apal dekat Jalan Kota Bharu-Kuala Terengganu di sini, pada 4.45 pagi, 9 Ogos lepas.

Pertuduhan kedua pula menyaksikan Nesarajan melakukan kesalahan sama iaitu memindahkan 6,820 kg karkas babi menggunakan lori jenis Mitsubishi Fuso pada masa dan lokasi yang sama.

Kesalahan dilakukan kesemua Orang Kena Saman (OKS) itu boleh dihukum di bawah Subseksyen 36 (1) Akta Binatang 1953 (Pindaan 2013) (Akta A1452) dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman denda sehingga RM15,000.

Pendakwaan dikendalikan Pegawai Pendakwa Jabatan Perkhidmatan Veterinar Terengganu Tuan Anuar Sulzi Tuan Abdullah manakala ketiga-tiga OKS tidak diwakili peguam.-[ASTROAWANI](#)

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR